



## Bagaimana melindungi diri anda atas talian

Buli siber terjadi apabila seseorang itu diancam, dimalukan atau dijadikan sasaran oleh individu lain melalui internet, telefon bimbit atau pelbagai jenis teknologi digital yang lain. Contohnya, menyiarkan mesej ataupun gambar yang memalukan di Facebook, ataupun memviralkan video yang menyakiti orang.

Perlakuan buli yang terjadi atas talian boleh memberi kesan buruk kepada mangsa yang sama seperti apabila dibuli secara berdepan. Kadangkala, kesannya lebih teruk kerana kita selalu terhubung dengan internet di mana sahaja kita berada, bukan seperti pembulian di sekolah yang berlaku berhadapan muka.

Jadi, kalau anda dibuli melalui Whatsapp, susah juga untuk mengelakkan diri daripada makian orang, walaupun anda berada di rumah.

Berikut adalah apa yang boleh anda lakukan jika anda dibuli atas talian;

1. Jangan balas dengan kata-kata kesat boleh mengeruhkan lagi keadaan.
2. Simpan salinan bukti – Pembuli siber selalunya meninggalkan bukti perbuatan mereka. Jadi, pastikan setiap perkara *discreenshot*, serta rekodkan masa dan tarikh pembulian itu berlaku dengan terperinci. Ini akan memudahkan proses aduan dan siasatan.
3. “Block” ataupun halang dan laporkan profil itu – Kebanyakan laman web serta aplikasi media sosial memberi pilihan untuk melaporkan status atau posting yang menyinggung perasaan dan menghalang profil tersebut. Gunakan fungsi ini! Walaupun ia tidak sepenuhnya membantu menghentikan jenayah buli siber, sekurang - kurangnya anda tidak perlu melihatnya dan anda tidak terpengaruh untuk membalas kecaman pembuli.
4. Beritahu seorang dewasa – Maklumkan kejadian tersebut kepada guru atau ibubapa. Jika pembuli adalah seseorang yang anda kenali, orang dewasa di sekeliling anda boleh mengambil tindakan sewajarnya untuk menghentikan pembulian itu.
5. Lindungi privasi anda – Jika seseorang itu mempunyai akses ke telefon atau akaun online anda, pasti mudah untuk anda digodam, atau “hacked”. Pastikan kata laluan anda selamat dan tidak dikongsi dengan individu lain, walaupun rakan baik anda, sebagai langkah berjaga-jaga.

**#STAND  
TOGETHER**